



BAHASA MELAYU

TINGKATAN 4&5

NAMA PENUH :		KELAS :	TARIKH :
TAJUK :	PERIBAHASA	SK : 4.2 SP : 4.2.2	RUJUKAN : BUKU TEKS T4
KRITERIA KEJAYAAN :	1. Memahami dan menggunakan peribahasa dalam lisan dan penulisan. 2. Menggunakan dan menghubungkan kait maksudnya dengan betul mengikut konteks.		
AKTIVITI :	1. Murid dapat Memahami dan menggunakan peribahasa dalam lisan dan penulisan. 2. Murid dapat menggunakan dan menghubungkan kait maksudnya dengan betul mengikut konteks.		

LATIHAN 1

Padankan peribahasa yang paling tepat dengan maksud yang disenaraikan.



Orang yang termasuk dalam sesuatu pasukan / Pekerja di bawah jagaan kita.

Orang yang pendiam jangan dsangka bodoh atau penakut.

Tentu ada sebabnya, (ada sesuatu yang tersembunyi) maka terjadi sesuatu hal.

Sekali melakukan pekerjaan, dua tiga maksud tercapai.

Sepandai-pandai orang, sekali akan salah juga perbuatannya.

Kegembiraan yang amat sangat kerana beroleh sesuatu yang disukai.

Walau bagaimanapun kelebihan di negara orang, tetap negeri sendiri lebih baik.

Seseorang yang tidak tahu menilai pemberian orang lain.

Dalam keadaan bahaya, serba sulit.

Seseorang anak itu akan mengikut perangai bapa atau ibunya.

PERIBAHASA

Kera mendapat bunga	Bagaimana acuan, begitulah kuihnya	Sambil menyelam minum air	Anak buah.	Seperti telur di hujung tanduk.
Bagai itik mendapat air	Kalau tidak berada-ada, takkan tempua bersarang rendah	Air tenang jangan disangka tiada buaya	Hujan emas di negeri orang, hujan batu di negeri sendiri, lebih baik di negeri sendiri	Sepandai-pandai tupai melompat, sekali akan gawal juga